

# **Program Diploma Pascasiswazah Dietetik**

## **Pengenalan**

Program ini mengambil masa sekurang-kurangnya satu tahun. Ia melibatkan penguasaan ilmu di bidang Sains Kesihatan dan amalan pemakanan klinikal. Program ini akan memberi peluang kepada Ahli Pemakanan dalam negara dan luar negara yang sedang berkhidmat serta graduan baru dalam bidang Sains Pemakanan untuk meningkatkan ilmu serta kemahiran dalam bidang Dietetik. Pelajar akan dilatih dalam aspek penjagaan pemakanan pesakit di hospital terutamanya mereka yang memerlukan pemakanan khas. Tenaga mahir dalam bidang Dietetik akan dapat memberi perkhidmatan yang bermutu dan cemerlang bukan sahaja di hospital tetapi di peringkat komuniti iaitu di klinik pesakit luar dan di klinik kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia. Graduan program ini juga mampu berfungsi sebagai pakar rujuk di bidang yang bersangkutan dengan pemakanan dan kesihatan diri.

## **Objektif**

Melahirkan graduan yang mempunyai asas teori yang mantap serta kemahiran amali serta pengurusan diet yang komprehensif kepada individu, keluarga dan masyarakat. Graduan juga mampu melakukan kerja klinikal tentang pemakanan untuk kesejahteraan pesakit.

## **Jumlah Unit**

Jumlah unit wajib bagi program ini ialah sebanyak 33 unit.

## Kurikulum Program Diploma Pascasiswazah Dietetik

### Semester I

<b>Kod</b>	<b>Tajuk Kursus</b>	<b>Unit</b>
NNND5012	Terapi Pemakanan Perubatan	2
NNND5013	Pendidikan Pesakit	3
NNND5014	Tajuk Khas Perubatan	4
NNND5032	Penyediaan Diet Terapeutik	2
NNND5034	Perkhidmatan Dietetik Pesakit Luar I	4
NNND5054	Perkhidmatan Dietetik Dalam Wad I	4
	<b>Jumlah Unit</b>	<b>19</b>

### Semester II

<b>Kod</b>	<b>Tajuk Kursus</b>	<b>Unit</b>
NNND5052	Kepaniteraan Perkhidmatan Makanan	2
NNND5024	Perkhidmatan Dietetik Pesakit Luar II	4
NNND5044	Perkhidmatan Dietetik Unit Khas II	4
NNND5064	Perkhidmatan Dietetik Dalam Wad II	4
	<b>Jumlah Unit</b>	<b>14</b>

**Jumlah unit keseluruhan adalah 33 unit**



# Sinopsis Kursus Program Diploma Pascasiswazah Dietetik

## NNND5012 Terapi Pemakanan Perubatan

Kursus ini merupakan teras kepada prinsip dan pengurusan diet. Pembelajarannya merangkumi patogenesis, manifestasi, perubahan fisiologi dan biokimia bagi sesuatu permasalahan, contohnya obesiti, masalah gangguan makanan eating disorders, penyakit sistem endokrin (NIDDM dan IDDM), penyakit sistem kardiovaskular, penyakit sistem gastrousus dan kanser. Aspek penjagaan pemakanan pesakit paediatric dari penilaian status pemakanan dan terapi diet untuk kekurangan protein dan tenaga (PEM), diarrhea, kelainan metabolisme sehingga ke penggunaan produk khusus juga dibincangkan. Setiap topik akan dikupas secara menyeluruh. Perbincangan proses penjagaan diet meliputi penilaian pemakanan, perancangan, pelaksanaan dan penilaian keberkesanan regim diet yang dipreskripsikan.

### Bacaan Asas

- Katz, D.L. 2008. *Nutrition in clinical practice*. Edisi ke- 2. Philadelphia: Lippincott William & Wilkins.
- Lee, R.D. & Nieman, D.C. 2009. *Nutritional assessment*. Edisi ke-5. London: McGraw Hill.
- Mahan, L.K. & Escott-Stump, S. 2007. *Krause's food and nutrition therapy*. Edisi ke-12. Philadelphia: W.B.Saunders.
- Ministry of Health Malaysia & Malaysia Dietitians' Association. 2005. *Medical nutrition therapy guidelines: diabetes, hyperlipidemia & hypertension*. Kuala Lumpur: Persatuan Dietitian Malaysia.
- Shaw, V. & and Lawson, M. 2007. *Clinical Paediatric Dietetics*. Edisi ke- 3. Wiley-Blackwell.

## NNND5013 Pendidikan Pesakit

Kursus ini bertujuan mendedahkan pelajar tahun akhir dietetik kepada definisi, skop tugas dan etika perkhidmatan dietitian di dalam bidang klinikal, komuniti, perkhidmatan makanan dan pentadbiran; organisasi hospital dan dinamik kumpulan. Aspek-aspek penting yang ditekankan termasuklah asas pendidikan pesakit yang meliputi pengetahuan, sikap dan amalan pesakit terhadap penyakit, memperkenalkan perubahan dalam diet dan cara kehidupan pesakit, teknik dokumentasi dan kaunseling dietetik, teknik penilaian status pemakanan dalam skop klinikal dan juga penyediaan pakej pendidikan pemakanan yang berkesan. Pelajar akan dilatih dengan kemahiran profesional kaunseling dietetik melalui sesi pemerhatian di klinik diet pesakit luar. Selain dari itu, pelajar juga dikehendaki menyediakan pakej pendidikan pemakanan bagi penyakit tertentu.

### Bacaan Asas

- Behan E. 2005. *Therapeutic Nutrition: A Guide to Patient Education*. Lippincott Williams & Wilkins.
- Falvo, D.R. 2010. *Effective patient education: A guide to increased adherence*. Edisi ke-4. Jones & Bartlett Publishers.
- Gable, J. 2007. *Counseling skills for dietitians*. Edisi ke-2. Massachusetts: Wiley-Blackwell Science.
- Holli, B.B., O'Sullivan, J. & Calabrese, R.J. 2003. *Communication and education skill for dietetics professionals*. Edisi ke-4. Illinois: Lippincott Williams & Wilkins.
- Redman, B.K. 2002. *Measurement tools in patient education*. Edisi ke-2. New York: Springer

## NNND5014 Tajuk Khas Perubatan

Kursus teras ini meliputi pelbagai tajuk perubatan. Ia mendefinisikan istilah perubatan yang sering digunakan oleh doktor perubatan. Ia juga memperkenalkan pelajar dengan pelbagai jenis prosedur analitikal yang dilakukan untuk membuat diagnosis sesuatu penyakit. Kuliah asas dijalankan untuk membuat diagnosis sesuatu penyakit. Patofisiologi penyakit dan rawatan akan dibincangkan. Penyakit mengikut sistem termasuk penyakit pada gastrousus, kardiovaskular, urinari, endokrin, dan saraf. Kuliah juga meliputi perubatan geriatrik, trauma, surgikal dan kebakaran. Pelajar juga akan diberi pendedahan tentang pengendalian pesakit di wad atau klinik. Ini adalah untuk memberi penekanan klinikal tentang rawatan.

### Bacaan Asas

- Hay, W., Levin, M., Deterding, R. & Sondheimer, J. 2008. *CURRENT Diagnosis and Treatment Pediatrics*. Edisi ke-19. McGraw-Hill Medical.
- Kasper, D.L., Braunwald, E., Fauci, A., Hauser, S., Longo, D. & Jameson, J.L. 2004. *Harrison's principles of internal medicine*. Edisi ke-16. Boston: McGraw Hill Professionals.
- Kim E. Barrett, Susan M. Barman, Boitano, S. & Brooks, H. 2009. *Ganong's Review of Medical Physiology*, 23rd Edition. McGraw-Hill Medical.
- Kumar, P. & Clark, L.M. 2005. *Clinical Medicine: with STUDENT CONSULT Access*. Edisi ke-6. Saunders Ltd
- McPhee, S.J. & Papadakis, M.A. 2008. *Current medical diagnosis & treatment 2009*. Boston: McGraw-Hill Medical.

## **NNND5032 Penyediaan Diet Terapeutik**

Kursus ini memberi pendedahan klinikal mengenai kaedah-kaedah penyediaan diet terapeutik dari segi pengubahsuaian tertentu. Penggunaan barangan atau barangan khusus yang biasa digunakan di dalam diet terapeutik akan diperkenalkan dalam penyediaan diet. Kebolehan memesan bahan makanan, pengiraan kandungan zat hidangan, kaedah penyediaan dan demonstrasi hidangan serta penilaian deria diberi penekanan. Tutoran bagi membincangkan protokol penyediaan diet terapeutik dijalankan sebelum amali diet berkaitan dijalankan. Penilaian berasaskan kepada kebolehan memesan bahan makanan, pengiraan zat makanan, penyediaan hidangan, demonstrasi serta penilaian deria.

### **Bacaan Asas**

- Drummond, K.E. & Brefere, L.M. 2009. *Nutrition for foodservice & culinary professionals*. Edisi ke-7. New Jersey: John Wiley & Sons.
- Escott-Stump, S. 2007. *Nutrition and diagnosis-related care*. Edisi ke-6. Philadelphia: Lippincott, Williams & Wilkins.
- Ministry of Health Malaysia & Malaysia Dietitians' Association. 2005. *Medical nutrition therapy guidelines: Diabetes, hyperlipidemia, hypertension & chronic kidney disease*. Kuala Lumpur: Persatuan Dietitian Malaysia.
- Persatuan Pemakanan Malaysia. 2002. *Resepi sihat: Pilihan bijak*. Jilid I. Vol 2. Kuala Lumpur: Persatuan Pemakanan Malaysia.
- Tee, E.S., Ismail M.N., Nasir, M.A. & Khadijah, I. 1997. *Nutrient composition of Malaysian foods*. Kuala Lumpur: Institute for Medical Research.

## **NNND5034 Perkhidmatan Dietetik Pesakit Luar I**

Kursus ini merupakan latihan klinikal dietetik untuk pesakit luar. Pelajar akan memulakan latihan dengan sesi pemerhatian sesi kaunseling diet. Seterusnya pelajar akan membuat penilaian status pemakanan pesakit, merancang, memantau dan mengendalikan sesi kaunseling diet di bawah pengawasan dietitian. Pelajar juga mempelajari sistem rujukan pesakit, rekod, temujanji dan komunikasi di antara ahli penjagaan kesihatan yang lain. Pelajar akan ditempatkan di klinik diet di Klinik Warga, HUKM.

### **Bacaan asas**

- Escott-Stump, S. 2002. *Nutrition and diagnosis-related care*. Edisi ke-5. Philadelphia: Lippincott, Williams & Wilkins.
- Lee, R.D. & Nieman, D.C. 2009. *Nutritional assessment*. Edisi ke-5. London: McGraw Hill.
- McPhee, S.J. & Papadakis, M.A. 2008. *Current medical diagnosis & treatment 2009*. Boston: McGraw-Hill Medical.
- Ministry of Health Malaysia & Malaysia Dietitians' Association. 2005. *Medical nutrition therapy guidelines: Diabetes, hyperlipidemia & hypertension, chronic kidney disease*. Kuala Lumpur: Persatuan Dietitian Malaysia.
- Shaw, V. & and Lawson, M. 2007. *Clinical Paediatric Dietetics*. Edisi ke- 3. Wiley-Blackwell.

## **NNND5054 Perkhidmatan Dietetik Dalam Wad I**

Kursus ini merupakan latihan klinikal dietetik untuk pesakit dalam wad. Pada peringkat awal pelajar akan mempelajari sistem rujukan pesakit, rekod dan komunikasi di antara ahli penjagaan kesihatan yang lain. Pelajar juga akan mempelajari pelbagai diet terapeutik dan pemakanan enteral dan parental yang terdapat di hospital. Pelajar akan memulakan latihan dengan sesi pemerhatian pemesanan dan perancangan diet terapeutik, melakukan penilaian status pemakanan dan diet pesakit, merancang dan melaksanakan pemberian diet terapeutik dan seterusnya memantau perkembangan pesakit. Pelajar akan ditempatkan di wad medikal dan surgikal serta obstetrik dan ginekologi.

### **Bacaan Asas**

- Escott-Stump, S. 2002. *Nutrition and diagnosis-related care*. Edisi ke-5. Philadelphia: Lippincott, Williams & Wilkins.
- Kasper, D.L., Braunwald, E., Fauci, A., Hauser, S. Longo, D. & Jameson, J.L. 2004. *Harrison's principles of internal medicine*. Edisi ke-16. Boston: McGraw Hill Professionals.
- McPhee, S.J. & Papadakis, M.A. 2008. *Current medical diagnosis & treatment 2009*. Boston: McGraw-Hill Medical.
- Rolandelli, R., Bankhead, R., Boullata, J. & Compher, C. 2004. *Clinical Nutrition: Enteral and Tube Feeding, Text with CD-ROM*. Edisi ke-4. Boston: Saunders.
- Shaw, V. & and Lawson, M. 2007. *Clinical Paediatric Dietetics*. Edisi ke- 3. Wiley-Blackwell.

## **NNND5052 Kepaniteraan Perkhidmatan Makanan**

Pelajar akan menjalani kepaniteraan ini selama 5 minggu di Jabatan Sajian dan Dietetik hospital kerajaan dan swasta. Latihan ini menitikberatkan kaedah pelaksanaan perkhidmatan makanan termasuk pengurusan kakitangan, pembelian, penerimaan, penyimpanan, penyediaan serta belanjawan makanan, jaminan kualiti, keselamatan kerja dan kebersihan makanan. Pelajar juga perlu melakukan pelbagai projek dan program berkaitan yang akan dinilai semasa kepaniteraan ini.

#### **Bacaan Asas**

- Birchfield, J.C. & Sparrowe, R.T. 2003. *Design and layout of foodservice facilities*. New Jersey: John Wiley & Sons.
- Knight, J.B.L. & Kotschevar, L.H. 2000. *Quantity food production, planning and management*. Edisi ke-3. New Jersey: John Wiley & Sons.
- Miller, J.E., Dopson, L.R. & Hayes, D.K. 2005. *Food & beverage: Cost control*. Edisi ke-3. New Jersey: John Wiley & Sons.
- National Restaurant Association Educational Foundation. 2004. *Servsafe essentials*. Edisi ke-3. Chicago: National Restaurant Association.
- Spears, M.C. & Gregoire, M.B. 2009. *Food service organization. A managerial and systems approach*. Edisi ke -7. New Jersey: Prentice Hall.

### **NNND5024 Perkhidmatan Dietetik Pesakit Luar II**

Kursus ini merupakan lanjutan kepada ND4414 Perkhidmatan Dietetik Pesakit Luar I. Pelajar akan ditempatkan di klinik-klinik pakar termasuk medikal, pediatrik, surgikal dan renal. Penempatan di klinik-klinik tersebut akan memperkasakan ilmu dietetik dan seterusnya meningkatkan lagi keyakinan pelajar dalam menilai status pemakanan pesakit, perancangan diet dan pengendalian sesi kaunseling diet di bawah pengawasan dietitian.

#### **Bacaan asas**

- Escott-Stump, S. 2002. *Nutrition and diagnosis-related care*. Edisi ke-5. Philadelphia: Lippincott, Williams & Wilkins.
- Lee, R.D. & Nieman, D.C. 2009. *Nutritional assessment*. Edisi ke-5. London: McGraw Hill.
- McPhee, S.J. & Papadakis, M.A. 2008. *Current medical diagnosis & treatment 2009*. Boston: McGraw-Hill Medical
- Ministry of Health Malaysia & Malaysia Dietitians' Association. 2005. *Medical nutrition therapy guidelines: Diabetes, hyperlipidemia & hypertension, chronic kidney disease*. Kuala Lumpur: Persatuan Dietitian Malaysia.
- Shaw, V. & and Lawson, M. 2007. *Clinical Paediatric Dietetics*. Edisi ke- 3. Wiley-Blackwell.

### **NNND5044 Perkhidmatan Dietetik Dalam Wad II**

Kursus ini dijalankan selepas tamat menjalani kursus ND5024 Perkhidmatan Dietetik Pesakit Luar II dan ND5064 Perkhidmatan Dietetik Dalam Wad II. Latihan bagi kursus ini dijalankan di hospital terpilih di Lembah Kelang. Pelajar akan diletakkan dibawah seliaan dietitian yang berpengalaman. Bidang yang diperluaskan termasuklah geriatrik, pemakanan enteral, pediatrik, onkologi, renal, gastro, hepar dan penjagaan kritikal & trauma.

#### **Bacaan asas**

- Cresci, G. 2005. *Nutrition support for the critically ill patients: A guide to practice*. Florida: CRC Press.
- Kasper, D.L., Braunwald, E., Fauci, A., Hauser, S. Longo, D. & Jameson, J.L. 2004. *Harrison's principles of internal medicine*. Edisi ke-16. Boston: McGraw Hill Professionals.
- McPhee, S.J. & Papadakis, M.A. 2008. *Current medical diagnosis & treatment 2009*. Boston: McGraw-Hill Medical
- Rolandelli, R., Bankhead, R., Boullata, J. & Compher, C. 2004. *Clinical Nutrition: Enteral and Tube Feeding, Text with CD-ROM*. Edisi ke-4. Boston: Saunders.
- Shaw, V. & and Lawson, M. 2007. *Clinical Paediatric Dietetics*. Edisi ke- 3. Wiley-Blackwell.

### **NNND5064 Perkhidmatan Dietetik Unit Khas**

Kursus ini merupakan lanjutan kepada ND5054 Perkhidmatan Dietetik dalam Wad I. Pelajar akan ditempatkan di pelbagai hospital di bawah kendalian dietitian dan memahami tugas hakiki dietitian di hospital. Pendedahan pelajar termasuklah pencarian maklumat dari rekod pesakit, diagnosis, ujian makmal/prosedur diagnostik pesakit yang diperlukan dalam pengurusan pemakanan pesakit. Pelajar perlu melakukan kajian dan penulisan kes yang diikuti di dalam wad.

#### **Bacaan asas**

- Cresci, G. 2005. *Nutrition support for the critically ill patients: A guide to practice*. Florida: CRC Press.

- McPhee, S.J. & Papadakis, M.A. 2008. *Current medical diagnosis & treatment 2009*. Boston: McGraw-Hill Medical
- Ministry of Health Malaysia & Malaysia Dietitians' Association. 2005. *Medical nutrition therapy guidelines: Diabetes, hyperlipidemia & hypertension, chronic kidney disease & nutrition support in critically ill adults*. Kuala Lumpur: Persatuan Dietitian Malaysia.
- Mitch, W.E. & Klahr, S. 2002. *Handbook of nutrition and the kidney*. Edisi ke-4. Philadelphia: Lippincott Williams & Wilkins.
- Shaw, V. & and Lawson, M. 2007. *Clinical Paediatric Dietetics*. Edisi ke- 3. Wiley-Blackwell.